



KEMENTERIAN  
ALAM SEKITAR DAN AIR  
Ministry of Environment and Water  
JABATAN ALAM SEKITAR

## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

### **PENJELASAN VIDEO “PENANG SOUTH ISLANDS BEING CURSED?”**

---

1. **PUTRAJAYA, 5 OKTOBER 2022** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) merujuk kepada sebuah video di laman Tiktok yang bertajuk “*Penang South Islands Being Cursed?*” yang telah diviralkan oleh pihak tertentu berhubung pembangunan di Pulau Pinang yang didakwa sukar mendapatkan kelulusan Laporan EIA dari JAS. Individu di dalam video tersebut mendakwa Projek Penang South Reclamation (PSR) menghadapi masalah kelulusan EIA berbanding dengan projek di negeri lain seperti Johor, Melaka, Sabah dan Kedah yang melaksanakan projek tanpa kelulusan Laporan EIA dan juga tanpa dinyatakan dalam Rancangan Struktur.
2. Untuk makluman, PSR telah mendapat kelulusan Laporan EIA dari JAS pada 2019 namun bantahan dari Persatuan Nelayan Pulau Pinang yang membawa kepada perbicaraan di Lembaga Rayuan di bawah Seksyen 35 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Keputusan Lembaga Rayuan telah mengeneipkan kelulusan laporan EIA tersebut kerana bercanggah dengan Seksyen 34A(4), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang berkaitan dengan *zoning* pembangunan yang belum diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang ketika itu. Laporan EIA yang baru telah dikemukakan kepada JAS dan masih di peringkat penilaian oleh JAS serta telah diedarkan untuk penilaian agensi teknikal yang lain.
3. Prosedur penilaian bagi semua Laporan EIA digariskan di dalam Environmental Impact Assessment Guideline in Malaysia (EGIM) dan juga menepati pemakaian prosedur dalaman yang telah dipersijilkan di bawah MS ISO 9001:2015. Kelulusan Laporan EIA oleh JAS merupakan satu kelulusan terhadap Laporan Kajian yang dilaksanakan oleh jururunding EIA berhubung dengan potensi impak yang mungkin berlaku sekiranya pembangunan tersebut dilaksanakan dan memperincikan langkah-langkah mitigasi bagi mengurangkan impak kepada alam sekeliling.
4. Penilaian Laporan EIA projek tersebut dibuat di dalam Jawatankuasa Teknikal Penilaian EIA yang dianggotai oleh agensi lain seperti PLANMalaysia, Jabatan Perikanan, Jabatan Kesihatan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan

Geosains, Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, individu – individu yang dilantik dengan kepakaran tertentu serta pihak badan bukan kerajaan.

5. Bagi Laporan EIA di bawah Jadual Kedua, pameran awam dan ulasan awam dilaksanakan bagi memberi peluang kepada semua pihak untuk mengemukakan ulasan berkaitan kandungan laporan EIA tersebut samada dari segi polisi, perundangan dan isu-isu teknikal berkaitan dengan projek bukan sebagai platform bantahan kepada projek. Keperluan memenuhi seksyen 34A(3), AKAS 1974 dan supaya tidak bercanggah dengan Seksyen 34A (4)(a) dan (b), akta yang sama diberi perhatian serius terhadap penilaian laporan EIA. Keputusan akhir bagi kelulusan projek pembangunan ini adalah di bawah pihak berkuasa yang meluluskan projek iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
6. Kesimpulannya, dakwaan oleh individu dalam video *“Penang South Islands Being Cursed?”* adalah tidak tepat dan mengelirukan orang awam. Hakikatnya laporan EIA bagi projek PSR yang didakwa sukar mendapat kelulusan telah diluluskan pada tahun 2019. Manakala laporan EIA yang baru sedang dalam penilaian JAS dan agensi teknikal yang lain.

- Tamat -

**Wan Abdul Latiff Wan Jaffar**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar,  
Putrajaya  
5 Oktober 2022